



**ADNAN (tiga kiri), Abd Rahman (dua kiri) dan Amat Jutrah (empat kiri) bersama penjawat awam yang menghadiri taklimat Cuepacs di UMS Labuan.**

## 30 penjawat awam dengar taklimat Cuepacs di UMSKAL

UB 14.2.2014 B6

**LABUAN:** Kira-kira 30 penjawat awam menghadiri taklimat perkhidmatan awam di Bilik Seminar, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Taklimat itu disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Agung 1 Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Adnan Mat dan Timbalan Setiausaha Agung II Abdul Rahman Haji Mohd Nordin.

Program anjuran Kesatuan Kakitangan Am UMS (Kekaumas) itu turut dihadiri Presidennya Amat Jutrah Haji Musniah, Timbalannya Abd Jalil Sapli dan Setiausaha Kekaumas UMSKAL Ahmad Zainudin Awg Besar.

Adnan berharap taklimat itu mampu memberikan penerangan dan penjelasan kepada penjawat awam di

Wilayah Persekutuan Labuan mengenai 81 skim baharu yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada pembentangan bajet yang lalu.

Katanya, Cuepacs sentiasa berusaha menjaga kebijakan penjawat awam di seluruh negara termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, beliau berharap penjawat awam akan terus bersama Cuepacs menyokong dasar-dasar kerajaan sedia ada bagi memastikan kebijakan mereka terus dijaga oleh pucuk pimpinan negara.

“Cuepacs akan memastikan kebijakan penjawat awam terus dibela oleh kerajaan. Saya yakin kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib sentiasa mendengar denyutan nadi penjawat awam melalui Cuepacs,” katanya.

Adnan menasihatkan

penjawat awam supaya sentiasa peka terhadap perkembangan semasa yang berkaitan perkhidmatan awam.

Sementara itu, Amat Jutrah berkata taklimat itu turut diadakan di UMS Induk di Dewan Resital Kota Kinabalu, Rabu lalu.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada mantan Presiden Cuepacs Datuk Omar Osman, beliau menaruh keyakinan barisan kepimpinan Cuepacs yang baharu yang diterajui Aziz Muda akan terus membela nasib 1.4 juta penjawat awam di negara ini.

“Penjawat awam termasuk di UMS mengucapkan terima kasih kepada Datuk Omar yang banyak berjasa kepada kami. Kami berharap kepimpinan baharu Cuepacs akan memastikan kebijakan penjawat awam terusterba,” katanya.